



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR  
DALAM PENGAJARAN MATA PELAJARAN SEJARAH KBSM  
DI DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN**

**BUSRAH BIN MAULAH**

**FPP 1999 43**

**PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR  
DALAM PENGAJARAN MATA PELAJARAN SEJARAH KBSM  
DI DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN**

**BUSRAH BIN MAULAH**

**MASTER SAINS  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**1999**



**PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR  
DALAM PENGAJARAN MATA PELAJARAN SEJARAH KBSM  
DI DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN**

**Oleh**

**BUSRAH BIN MAULAH**

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat Keperluan Untuk Ijazah  
Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia**

**Mei 1999**



**Dedikasi dan terima kasih**

**Ayahanda  
Haji Abdul Maulah Haji Zainal  
Bonda  
Alipah binti Mohidin**

**Ibu dan bapa mertua (Abah dan emak)**

**“Wahai Tuhanku, kasihanilah kiranya kedua-dua orang tuaku,  
sebagaimana kedua-duanya telah mengasihiku (ketikaku) masih kecil”  
(Al-Isra' : 24)**

**Isteri tersayang Zarina Othman  
Anakanda Najah Syuhada dan Muhammad Na'im Salihin**

**“Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami  
isteri dan keturunan kami menjadi cahaya mata  
(tenang, tenteram dan bahagia) dan jadikanlah kami  
pemimpin bagi orang-orang yang bertaqwa (kepada-Mu)”  
(Al-Furqan : 74)**

**Adik-adik**

**Pendidik-pendidik yang pernah mengajar di:  
SRK Serusup, Tuaran (1974 - 1979)  
SMK Badin, Tuaran (1980 - 1984)  
SMK Menggatal, Kota Kinabalu (1985 - 1986)  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1987 - 1990)  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi (1991 - 1992)  
Universiti Putra Malaysia, Serdang (1997 - 1999)**

## PENGHARGAAN

Segala puji-pujian bagi Allah SWT, selawat dan salam untuk junjungan Nabi Muhammad SAW, para keluarga dan sahabatnya.

Penyelidik bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan petunjuk-Nya akhirnya tesis ini dapat disiapkan. Penyelidik turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada sekolah-sekolah yang terlibat khususnya kepada guru Sejarah (responden) yang telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya dalam memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan lancar dalam masa yang ditetapkan. Tanpa kerjasama mereka sudah pasti kajian ini gagal dilaksanakan.

Penyelidik juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Bahagian Biasiswa dan Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah yang telah menyediakan kemudahan biasiswa kepada penyelidik untuk mengikuti program Master Sains (Pedagogi) di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor Darul Ehsan. Ucapan yang sama juga ditujukan kepada Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah meluluskan permohonan penyelidik untuk mendapatkan cuti belajar bergaji penuh semasa mengikuti program ini.

Selain itu, penyelidik ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang terdiri daripada Dr. Mohd. Majid Konting (Pengerusi), Profesor Madya Dr. Habibah Elias dan Encik Zol Azlan Hj. Hamidin atas segala nasihat, tunjuk ajar dan ilmu yang diberikan semasa menyiapkan tesis ini. Penyelidik juga tidak lupa mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Universiti Putra Malaysia seperti Profesor Madya Datin Dr. Sharifah Md. Nor, Dr. Hj. Abdul Main Hj. Salimon, Profesor Madya Datin Dr. Azizah Abdul Rahman, Profesor Madya Dr. Abdul Majid Mohd. Isa, Profesor Madya Dr. Naim Hj. Ahmad, Dr. Rohani Ahmad Tarmuzi, Profesor Madya Dr. Habibah Elias dan Tuan Haji Azali Mahbar atas segala ilmu yang diberikan.

Penyelidik tidak lupa mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Selangor atas kebenaran untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah terpilih. Ucapan berbilang-banyak terima kasih juga diberikan kepada semua pihak yang memberikan sumbangan berharga dari segi bahan rujukan, buah fikir, tenaga dan sebagainya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tunjuk ajar, nasihat, ilmu dan kerjasama yang diberikan amat tinggi nilainya dan tidak akan dilupakan oleh penyelidik.

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGHARGAAN</b> .....	iii
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	viii
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	ix
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	x
<b>ABSTRAK</b> .....	xi
<b>ABSTRACT</b> .....	xiii

## BAB

<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	Kemahiran Berfikir dalam KBSM dan Mata Pelajaran Sejarah KBSM .....	3
	Projek Percubaan Kemahiran Berfikir Merentas Kurikulum .....	5
	Pernyataan Masalah .....	6
	Objektif Kajian .....	8
	Soalan-soalan Kajian .....	9
	Kepentingan Kajian .....	10
	Definisi Operasional .....	11
	Persediaan dan Perancangan Pengajaran .....	11
	Jenis Perancangan Pengajaran .....	12
	Objektif Kognitif .....	12
	Aktiviti-aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran .....	14
	Penilaian .....	15
	Kemahiran Berfikir .....	15
	Alat Bantu Mengajar/Belajar .....	16
	Penyoalan .....	17
	Pelaksanaan Pengajaran Kemahiran Berfikir .....	17
	Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Berfikir .....	18
	Rumusan.....	19

<b>II</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	
	Konsep Pemikiran Kritis dan Kreatif .....	20
	Pemikiran Kritis .....	21
	Pemikiran Kreatif .....	25
	Kemahiran Berfikir: Konsep, Model dan Strategi	
	Pengajaran dan Pembelajaran .....	31
	Konsep Berfikir .....	31
	Model Kemahiran Berfikir PPK .....	33
	Strategi Pengajaran dan Pembelajaran .....	41
	Teknik dan Kaedah Pengajaran dan	
	Pembelajaran .....	43
	Persediaan dan Perancangan Pengajaran Guru .....	49
	Pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam	
	Pengajaran .....	56
	Masalah dan Cadangan Meningkatkan Pengajaran	
	Kemahiran Berfikir .....	85
	Rumusan .....	93
<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
	Reka Bentuk Kajian .....	95
	Instrumen Kajian .....	96
	Borang Senarai Semak .....	96
	Borang Pencerapan Pengajaran Guru .....	97
	Soalan Temu Bual .....	98
	Pita Rakaman Audio .....	99
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen .....	100
	Populasi dan Sampel Kajian .....	101
	Tatacara Pengumpulan Data .....	102
	Senarai Semak .....	103
	Pencerapan .....	103
	Temu Bual .....	103
	Penganalisan dan Pemprosesan Data .....	104
	Rumusan .....	105
<b>IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
	Persediaan dan Perancangan Pengajaran Guru yang	
	Dicatatkan dalam Buku Rekod Mengajar .....	106
	Pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam	
	Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah KBSM .....	113
	Masalah-masalah Pelaksanaan Kemahiran	
	Berfikir dalam Pengajaran Mata Pelajaran	
	Sejarah KBSM.....	120
	Cadangan Penyelesaian Masalah dan Cadangan	
	Meringkatkan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam	
	Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah KBSM .....	130



<b>V</b>	<b>PERBINCANGAN HASIL KAJIAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
	Perbincangan Hasil Kajian .....	139
	Persediaan dan Perancangan Pengajaran Guru .....	139
	Pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah KBSM .....	143
	Masalah, Penyelesaian Masalah dan Cadangan Meningkatkan Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah KBSM .....	147
	Rumusan.....	149
	Cadangan.....	153
	Cadangan untuk Kajian Selanjutnya .....	159
	<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>162</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	
	A. Penyusunan Grafik dan Peta Minda dalam KBKK .....	172
	B. Instrumen Kajian .....	180
	C. Surat Menyurat .....	188
	D. Jadual Tambahan .....	199
	E. Rancangan Pengajaran Tahunan .....	202
	F. Soalan-soalan Dikemukakan oleh Guru dan Pelajar Mengikut Aras .....	231
	<b>BIOGRAFI DIRI .....</b>	<b>243</b>

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
1	Perbandingan antara Pemikiran Kritis dan Kreatif .....	30
2	Operasi Metakognitif .....	32
3	Model Kemahiran Berfikir : Proses Kompleks .....	40
4	Faktor-faktor yang Difikirkan oleh Guru yang Ditemu Bual Membantu dalam Perkembangan Kreativiti .....	87
5	Soalan-soalan Menggalakkan Kemahiran Berfikir.....	89
6	Empat Jenis Soalan .....	90
7	Contoh-contoh Aktiviti Pengajaran, ABB/M, Penilaian dan KBKK dalam Rancangan Pengajaran Harian .....	112
8	Aktiviti-aktiviti Pengajaran di Bilik arj .....	115
9	Jumlah Soalan Mengikut Aras .....	117
10	Pembahagian Soalan Guru dan Pelajar .....	118
11	Jumlah Soalan yang Dijawab Guru .....	118
12	Penggunaan ABB/M dalam Pengajaran .....	119
13	Aktiviti-aktiviti Pengajaran yang Menerapkan KBKK...	120
14	Masalah Pelaksanaan KBKK dalam Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah KBSM .....	121
15	Cadangan Penyelesaian Masalah dan Meningkatkan Pelaksanaan KBKK dalam Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah KBSM .....	130
16	Bilangan Guru Sejarah Tingkatan 4 di Sekolah Terpilih .....	200
17	Cerapan Pengajaran Guru .....	201



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1	Model Kemahiran Berfikir Pusat Perkembangan Kurikulum.....	34
2	Penyelesaian Masalah IDEAL.....	36
3	Strategi Roda Penyelesaian Masalah.....	37
4	Model Membuat Keputusan.....	39
5	Unsur-unsur dalam Perancangan Komprehensif dan Tambahan .....	51
6	Model Aliran Proses Perancangan .....	52
7	Fasa 1 - Langkah-langkah Perancangan.....	61
8	Fasa 2 - Langkah-langkah Pelaksanaan.....	62
9	Domain Pemikiran Diperkembangkan Melalui Pengajaran.....	65
10	Model Pembelajaran Kreatif.....	68
11	Model Kemahiran Pemikiran Kritis.....	70
12	Penyusunan Grafik Deskriptif.....	74
13	Penyusunan Grafik Urutan.....	74
14	Penyusunan Grafik Proses/Sebab.....	74
15	Penyusunan Grafik Masalah/Penyelesaian.....	74
16	Penyusunan Grafik Generalisasi.....	75
17	Penyusunan Grafik Konsep.....	75



## SENARAI SINGKATAN

ABB/M	-	Alat Bantu Belajar/Mengajar.
APD	-	Alat Pandang Dengar.
ASCD	-	Association for Supervision and Curriculum Development.
FPN	-	Falsafah Pendidikan Negara.
FRISCO	-	Focus, Reasons, Inference, Situation, Clarity and Overview.
IDEAL	-	Identifying the Problem, Defining the Problem, Exploring Strategies, Acting on Ideas and Looking for the Effects.
IMPACT	-	Improve Minimal Proficiencies by Activating Critical Thinking.
KBKK	-	Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif.
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.
KBSR	-	Kurikulum Baru Sekolah Rendah.
KLSM	-	Kurikulum Lama Sekolah Menengah.
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia.
K-W-L	-	What I already <i>know</i> , What I <i>want</i> to know, What I <i>Learned</i> .
McRAT	-	Multicultural Reading and Thinking.
McREL	-	Mid-continent Regional Educational Laboratory.
O. H. P.	-	Overhead Projector.
P & P	-	Pengajaran dan Pembelajaran.
PPK	-	Pusat Perkembangan Kurikulum.
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat keperluan  
ijazah Master Sains

**PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR  
DALAM PENGAJARAN MATA PELAJARAN SEJARAH KBSM  
DI DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN**

Oleh

**BUSRAH BIN MAULAH**

**Mei 1999**

**Pengerusi : Mohd. Majid Konting, Ph.D**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Penyelidikan deskriptif ini mengkaji tentang pelaksanaan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. Tujuannya untuk meninjau pelaksanaan KBKK dari segi persediaan dan perancangan pengajaran guru, penerapannya dalam pengajaran dan masalah-masalah pelaksanaan serta penyelesaiannya daripada perspektif guru.

Data kajian dikumpul menggunakan senarai semak yang mengandungi item-item persediaan dan perancangan pengajaran guru, borang pencerapan pengajaran dan temu bual dengan guru. Analisis data menunjukkan bahawa KBKK ditekankan dalam persediaan dan perancangan pengajaran guru. Kebanyakan objektif KBKK dan soalan yang dikemukakan dalam pengajaran Sejarah KBSM kurang menggalakkan



kemahiran berfikir pada tahap tinggi. Sejumlah 30.67% daripada keseluruhan masa pengajaran melibatkan aktiviti-aktiviti yang menerapkan KBKK.

Sebanyak 13 masalah pelaksanaan KBKK dikenal pasti. Masalah-masalah tersebut ialah guru berdepan pelajar bermasalah, tuntutan menghabiskan sukatan, alat bantu belajar/mengajar (ABB/M) tidak mencukupi, masa persediaan tidak mencukupi, guru belum menguasai KBKK, jumlah pelajar yang ramai sekelas, kekurangan bahan rujukan, beban tugas mengajar dan bukan mengajar meningkat, masa pengajaran yang singkat, masa belajar terganggu, kekurangan buku teks dan kewujudan kelas terapung. Guru mencadangkan 14 langkah meningkatkan keberkesanan pelaksanaan KBKK iaitu melengkapkan sumber rujukan KBKK, memperbanyakkan buku teks dan ABB/M, merangsang minat pelajar, mengadakan kelas pemulihan, mendedahkan guru dengan kursus lanjutan, mengurangkan bilangan pelajar sekelas, mengurangkan beban tugas mengajar dan bukan mengajar, mengadakan pencerapan pengajaran guru, menambah masa pengajaran, mendedahkan KBKK dan kemahiran belajar kepada pelajar, mempelbagaikan bentuk soalan peperiksaan awam dan melaksanakan Penilaian Kendiri Sekolah Menengah (PKSM).

Keseluruhannya, tahap pelaksanaan KBKK dalam pengajaran Sejarah KBSM masih rendah. Tahap yang rendah ini dikaitkan dengan masalah yang dihadapi oleh guru. Untuk memastikan kejayaan pelaksanaan KBKK dalam pengajaran Sejarah KBSM, cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh guru perlu diambil kira dalam perancangan KBKK pada masa hadapan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia  
as partial fulfilment of the requirements for  
the degree of Master of Science

**THE IMPLEMENTATION OF THINKING SKILLS  
IN THE TEACHING OF KBSM HISTORY  
IN THE DISTRICT OF HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN**

By

**BUSRAH BIN MAULAH**

**May 1999**

**Chairman : Mohd. Majid Konting, Ph.D**

**Faculty : Educational Studies**

This descriptive research looks into the implementation of critical and creative thinking skills (KBKK) in the teaching of History in the Integrated Secondary School Curriculum (KBSM) in the District of Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. The aim is to explore the implementation of KBKK from the aspect of teachers' preparation and organisation and its infusion into the teaching process, problems of its implementation, and how to overcome them from the teachers' perspective.

The research data were collected using a checklist of pertinent items concerning teachers' preparation and organisation of teaching, a teaching observation form and an interview schedule with teachers. Analysis of data indicated that KBKK was included in the teachers' preparation and organisation. Notwithstanding, most of the KBKK objectives and questions which were presented during the History lessons to



encourage higher-order thinking skills were least used. Only about 30.67% of the overall teaching activities were found to involve the infusion of KBKK.

Thirteen problems related to the implementation of KBKK were identified. They were teachers' difficulty in dealing with learners' problem, a need for extra time to finish the syllabus, lack of teaching aids, insufficient preparation time, teachers' lack of mastery in KBKK, large class size, lack of reference materials, increase in teachers' teaching and non-teaching duties, limited teaching time allocated to History, learning disturbances, shortage of text books, and the existence of floating classes. Teachers suggested 14 measures to enhance the effectiveness of the implementation of KBKK, namely by updating resource for KBKK, increasing the number of text books and teaching aids, stimulating students, conducting remedial classes, organizing staff development programme in KBKK for teachers, reducing class size, lessening teaching and non-teaching load of teachers, implementing classroom instructional observations, increasing the number of teaching periods, teaching students KBKK and study skills, designing a variety of questions in the public examinations, and implementing Self Access Learning in the Secondary School (PKSM).

On the whole, it was discovered that the implementation level of KBKK in the teaching of History in KBSM was still low. This low level could be attributed to the problems faced by the teachers. To ensure the success of the implementation of KBKK in the teaching of History in KBSM, the suggestions put forward by the teachers need to be considered in planning future KBKK programmes.



# BAB I

## PENDAHULUAN

Kemahiran berfikir mempunyai hubung kait dengan minda manusia. Menguasai kemahiran berfikir menjadikan seseorang itu bijaksana dan berkemampuan membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan melaksanakan tanggungjawab dengan sistematik dan berkesan. Sering diperkatakan juga bahawa manusia hanya menggunakan 10% daripada kemampuan otaknya untuk berfikir. Akan tetapi, tanggapan tersebut disangkal oleh Stine (1997) yang menjelaskan bahawa sebenarnya hanya 1% daripada kemampuan otak digunakan untuk berfikir sementara hampir 99% lagi tidak digunakan.

Kemahiran berfikir boleh dikategorikan kepada beberapa jenis seperti pemikiran strategik, pemikiran vertikal (menegak), pemikiran lateral, pemikiran hasil, pemikiran analitikal, pemikiran objektif, pemikiran positif, pemikiran intuitif, pemikiran tentang mod dan pemikiran kreatif dan kritis (DePorter dan Hernacki, 1992; Stine, 1997). Dari pelbagai jenis kemahiran berfikir tersebut tumpuan hanya diberikan terhadap pemikiran kreatif dan kritis. Berdasarkan hakikat untuk meningkatkan kemahiran berfikir dan menyedari kepentingannya dalam

pembangunan sesebuah negara banyak idea, tenaga dan kewangan disalurkan untuk memupuk seterusnya mempertingkatkan tahap kemahiran berfikir melalui program-program kemahiran berfikir.

Di Malaysia, kemahiran berfikir mula diberi penekanan sewajarnya dalam pendidikan terutamanya selepas penggubalan dan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Seiring dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah merintis projek percubaan pelaksanaan kemahiran berfikir merentas kurikulum pada tahun 1992/93 (Lee, 1993). Bertitik tolak dari situ, satu garis panduan yang sistematik telah dikeluarkan untuk memudahkan para pendidik melaksanakan kemahiran berfikir secara berkesan. Dalam konteks pendidikan negara, Som dan Mohd. Dahalan (1998) mengemukakan lima kepentingan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis iaitu: pertama, untuk merealisasikan Wawasan 2020 dan hasrat mencapai negara maju; kedua, memupuk dan mewujudkan pemikiran yang baik dan berkesan; ketiga, mengamalkan budaya berfikir secara kreatif dan kritis; keempat, mengelakkan kesilapan berfikir secara terburu-buru, sempit, kabur dan bercelaru; dan kelima, meningkatkan kualiti berfikir.

Melihat kepada kepentingan kemahiran berfikir dalam pendidikan negara, kajian harus dilakukan untuk meninjau dan mengenal pasti tahap perkembangan pelaksanaan kemahiran berfikir di sekolah-sekolah seluruh negara. Berdasarkan hasil kajian tersebut, masalah-masalah berbangkit dapat dikenal pasti dan diatasi. Selain itu,

usaha-usaha mengemas kini dan mempertingkatkan lagi pelaksanaan kemahiran berfikir dapat dilakukan dengan berkesan dan berterusan sekiranya kajian dilakukan dari semasa ke semasa.

### **Kemahiran Berfikir dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah [KBSM] dan Mata Pelajaran Sejarah KBSM**

Peralihan dari era Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) ke Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan pelaksanaan KBSM yang bermula pada tahun 1988 dan secara menyeluruh pada tahun 1989, telah memberi wajah baru kepada sistem pendidikan negara yang diharapkan mampu melahirkan dan membentuk generasi berkualiti dalam menerajui negara menghadapi era yang lebih mencabar, apatah lagi untuk merealisasikan Wawasan 2020. Banyak pembaharuan yang telah diketengahkan melalui KBSM dari segi kurikulum, kokurikulum, pendekatan pengajaran dan pembelajaran (P & P), penerapan nilai-nilai murni, peranan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, penekanan kemahiran berfikir dan sebagainya, yang diyakini selari dan mampu memenuhi misi yang dicetuskan dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN).

Penekanan terhadap kemahiran berfikir dalam KBSM terkandung dalam salah satu objektifnya iaitu “mengembangkan dan meningkatkan lagi daya intelek serta pemikiran yang rasional, kritis dan kreatif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Sehubungan dengan itu, dalam pelaksanaan KBSM satu aspek penting yang disarankan tentang P & P ialah;

Para pelajar tidak hanya menerima pengetahuan semata-mata tetapi mereka seharusnya dapat menyatakan idea, fikiran dan pendapat dengan jelas, objektif, kreatif, rasional dalam semua situasi. Untuk mencapai hasrat ini, peluang bagi meningkatkan daya intelek perlu diwujudkan supaya pemikiran yang kritis dan analitis akan menjadi salah satu aspek yang penting dalam tiap-tiap akitiviti pembelajaran.  
(Pusat Perkembangan Kurikulum, 1989: 5, dalam Phillips, 1992)

Kepentingan kemahiran berfikir turut ditekankan dalam pendidikan Sejarah. Antara objektif yang menggambarkan aspek ini ialah “mempertingkatkan kemahiran menganalisis, mensintesis dan menilai fakta-fakta sejarah secara rasional dan kritis”, dan “memperkuuhkan daya pemikiran dan kematangan yang berasaskan iktibar daripada pengalaman sejarah” (KPM, 1990: xi). Justeru itu, dalam proses P & P Sejarah penekanan perlu diberikan kepada perkembangan kemahiran berfikir seperti mengumpul dan mengelas maklumat, mentafsir, menganalisis, mensintesis dan mengaplikasi. Pendekatan ini memerlukan penglibatan secara aktif daripada para pelajar dalam P & P.

Melihat kepada penekanan utama yang diberikan dalam soal pemikiran rasional, kritis, kreatif dan analitis, usaha PPK KPM memperkenalkan kemahiran berfikir merentas kurikulum adalah wajar dan bertepatan dengan misi yang dicitakan.

### **Projek Percubaan Kemahiran Berfikir Merentas Kurikulum**

Kemahiran berfikir yang lebih dikenali sebagai Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis (KBKK) telah dilaksanakan oleh PPK pada awal tahun 1990-an. Menurut Lee (1993) satu projek percubaan kemahiran berfikir merentas kurikulum telah dijalankan oleh PPK pada tahun 1992/93 di daerah Gombak, Selangor, melibatkan guru-guru Tingkatan 1 di 10 buah sekolah menengah. Projek ini bertujuan untuk mendedahkan guru-guru kepada konsep kemahiran berfikir, merancang dan menyediakan bahan P & P dan merangka strategi untuk melaksanakan kemahiran berfikir.

Dalam projek percubaan ini sebagai permulaan PPK telah mengenal pasti beberapa kemahiran berfikir untuk dilaksanakan iaitu menginterpretasi, menaakul, mempertuahkan persepsi, pemikiran kritis, membuat keputusan dan penyelesaian masalah. Pada umumnya, projek ini telah mendapat maklum balas dan hasil yang menggalakkan (Lee, 1993) iaitu: pertama, kemahiran berfikir berguna dan harus diajar di sekolah. Kedua, kaedah penerapan amat sesuai untuk mengelakkan kekurangan masa dan penyelarasan jadual waktu sekolah. Ketiga, kemahiran berfikir perlu dimasukkan dalam Huraian Sukatan Mata Pelajaran untuk mengelakkan masalah mengenal pasti tajuk yang sesuai untuk menerapkannya. Keempat, pelajar yang mempunyai fakta atau pengetahuan latar lebih berupaya berbincang. Oleh itu, fakta perlu dibenikan terlebih dahulu sebelum pelajar boleh berfikir dan pengajaran kemahiran berfikir hanya diberi perhatian pada akhir penyampaian isi kandungan

pelajaran dengan menyisipkan situasi atau aktiviti tertentu. Kelima, guru perlu membuat penyesuaian atau adaptasi terhadap buku teks dan menggunakan pelbagai sumber pengajaran seperti gambar, sumber media dan lain-lain. Keenam, dalam penilaian secara formatif seperti memerhati, berbincang, bersoal jawab dan meneliti jawapan pelajar dalam bentuk lisan dan bertulis guru mendapati bahawa jawapan yang diberikan pelajar lebih bernas dan asli. Malah, ada jawapan pelajar di luar jangkaan guru. Ketujuh, pelajar lebih seronok, berminat dan terlibat secara aktif dalam P & P di kelas; dan kelapan, guru mendapat lebih manfaat dan berasa yakin dengan pendekatan yang melibatkan pelajar secara langsung dalam aktiviti P & P berbanding syarahan. Peluang berinteraksi dan berkongsi pengalaman semasa bengkel amat berguna dan membantu menyelesaikan masalah dihadapi.

### **Pernyataan Masalah**

Senario dan hala tuju sistem pendidikan negara dalam memenuhi tuntutan-tuntutan yang terkandung dalam FPN dan Wawasan 2020 seharusnya meletakkan KBKK pada kedudukan sewajarnya. KBKK seharusnya dijadikan komponen keutamaan dalam kurikulum yang diadun dalam pelbagai kaedah dan teknik P & P dengan diperkukuhkan oleh media-media sokongan. Walau bagaimanapun, setakat ini belum terdapat kajian menyeluruh tentang pelaksanaan kemahiran berfikir di sekolah-sekolah menengah khususnya dalam pengajaran Sejarah KBSM yang merangkumi aspek persediaan dan perancangan mengajar, pengajaran guru dan masalah-masalah berkaitan.

Selain itu, terdapat empat faktor yang menyebabkan pengajaran pemikiran tidak ditekankan seperti dinyatakan oleh Phillips (1992) iaitu: pertama, sesetengah guru berpendapat bahawa pelajar perlu terlebih dahulu menguasai semua fakta dan konsep sesuatu mata pelajaran sebelum pelajar boleh digalakkan berfikir. Tetapi sesudah mengajar semua fakta dan konsep, masa pula tidak mengizinkan untuk menggalakkan mereka berfikir. Kedua, penekanan peperiksaan yang mementingkan pengujian kebolehan pelajar mengingat kembali fakta. Secara tidak langsung penekanan kepada peperiksaan mempengaruhi sesetengah guru untuk memberi banyak fakta dan mengutamakan penghafalan serta kurang menggalakkan supaya pelajar berfikir tentang fakta yang dipelajari. Ketiga, pandangan sesetengah guru bahawa pengajaran kemahiran berfikir akan mengambil masa yang banyak dan membebankan guru. Oleh itu, lebih memadai jika pengajaran pemikiran ditumpukan kepada pelajar pintar sahaja. Keempat, dan paling nyata ialah pengakuan sesetengah guru bahawa guru sendiri tidak tahu cara meningkatkan daya pemikiran pelajar.

Dalam era yang masih mengutamakan peperiksaan sebagai pengukur utama pencapaian akademik dan pada masa yang sama turut melaksanakan KBKK, adakah masalah-masalah tersebut terus membelenggu guru-guru di sekolah dalam melaksanakan KBKK dengan berkesan dalam mata pelajaran Sejarah KBSM? Selaras dengan penekanan KBKK dalam mata pelajaran Sejarah KBSM seperti terkandung dalam objektif pendidikan sejarah (KPM, 1990), apatah lagi Sejarah merupakan mata pelajaran teras KBSM, maka kajian ini bertujuan meninjau

pelaksanaan KBKK dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah KBSM. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti persediaan dan perancangan guru, masalah-masalah pengajaran KBKK dan penyelesaian serta cadangan meningkatkan pelaksanaan KBKK dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah KBSM.

### **Objektif Kajian**

Secara amnya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan KBKK dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah KBSM. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:-

1. Mengenal pasti langkah-langkah persediaan dan perancangan guru untuk melaksanakan KBKK dalam pengajaran Sejarah KBSM melalui catatan buku rekod mengajar.
2. Meninjau sejauh manakah guru melaksanakan KBKK dalam pengajaran Sejarah KBSM melalui kaedah pencerapan pengajaran sebenar di bilik darjah.
3. Mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan KBKK dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah KBSM dan langkah-langkah penyelesaian masalah yang diambil oleh guru.
4. Mengenal pasti cadangan-cadangan guru untuk meningkatkan pelaksanaan KBKK dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah KBSM.



### **Soalan-soalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini, kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan seperti:-

1. Apakah langkah-langkah persediaan dan perancangan guru untuk melaksanakan KBKK dalam pengajaran Sejarah KBSM melalui catatan buku rekod mengajar dari segi rancangan tahunan, semester, mingguan dan harian?
2. Sejauh manakah guru melaksanakan KBKK dalam pengajaran Sejarah KBSM dari aspek penyediaan, alat bantu mengajar, aktiviti pengajaran dan masa yang diperuntukkan untuk KBKK?
3. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan KBKK dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah KBSM dan langkah-langkah penyelesaian masalah yang diambil oleh guru?
4. Apakah cadangan-cadangan guru untuk meningkatkan pelaksanaan KBKK dalam pengajaran Sejarah KBSM?